

03 JUL 2002

Siti Hasmah-Mahathir

SITI HASMAH: SUDAH TIBA MASA SUAMI SAYA BERSARA

PUTRAJAYA, 3 Julai (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah berkata keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatannya dalam kerajaan dan Umno tepat pada masanya.

"Saya sebenarnya sedih dan serba salah (apabila pemimpin Umno memujuk beliau supaya menarik balik keputusannya dan desakan rakyat supaya beliau terus memegang jawatan).

"Saya mahu dia bersara. Apa yang dia (Dr Mahathir) kata betul...dah lama dah... (memegang jawatan) tiba masa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ambil alih," katanya kepada pemberita selepas menerima sumbangan derma daripada ExxonMobil Subsidiaries Malaysia kepada Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) di sini hari ini.

Dr Siti Hasmah berkata demikian ketika ditanya perasaannya mengenai reaksi rakyat terhadap keputusan Dr Mahathir untuk bersara daripada semua jawatan dalam kerajaan dan Umno yang dibuat secara mengejut pada perhimpunan agung Umno pada 22 Jun lepas.

Sehari selepas tamatnya perhimpunan itu, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah berlepas ke Itali untuk bercuti selama 10 hari. Mereka kembali ke tanah air pagi tadi.

Dr Siti Hasmah berkata Dr Mahathir telah menjangka bahawa keputusannya meletakkan jawatan akan mengejutkan semua orang tetapi tidak menjangka pengumuman itu menimbulkan reaksi spontan yang begitu mengharukan.

"Saya tahu bagaimana dia kerja sepanjang 21 tahun dia menjadi Perdana Menteri, saya mahu suami saya bersara," katanya.

Menceritakan kembali detik mencemaskan selepas Dr Mahathir membuat pengumuman itu, Dr Siti Hasmah berkata beliau dan anggota keluarga tidak tahu bahawa Dr Mahathir akan membuat pengumuman meletakkan jawatan pada hari itu walaupun menyedari hasrat suaminya untuk bersara sejak beberapa tahun lepas.

"Satu patah pun dia tidak ceritakan pada saya (mengenai hasratnya meletak jawatan). Apabila saya terdengar saya terdiam dan tidak tahu apa hendak buat," katanya.

Dr Siti Hasmah berkata beliau kemudiannya bergegas mendapatkan suaminya di atas pentas yang ketika itu sudah dikerumuni oleh anggota Majlis Tertinggi (MT) untuk menenangkannya.

Beliau berkata semasa Dr Mahathir berada dalam Bilik Perdana, perkara yang dibincangkan sesama anggota keluarga adalah mengenai hasrat Dr Mahathir yang bertegas dengan keputusannya mahu bersara dan anggota keluarga menyokongnya.

Bagaimanapun, berikutan pujukan dan desakan anggota MT, Dr Mahathir telah menarik balik peletakan jawatannya yang kemudian diumumkan oleh Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Siti Hasmah berkata Dr Mahathir sebenarnya telah membawa surat peletakan jawatannya untuk diserahkan kepada Abdullah selepas pengumuman itu tetapi tidak dapat berbuat demikian, malahan beliau juga tidak sempat menghabiskan ucapannya.

Sepanjang percutian mereka di sekitar kepulauan Mediterranean, Dr Siti Hasmah berkata Perdana Menteri mengisi masa dengan menulis dan membaca selain melawat pekan-pekan di pulau-pulau kecil sekitar perairan Itali.

"Masa itu, kami pun mendapat maklumat dan berita yang rakyat mahu dia menyangkut tugas dan menarik balik keputusannya," katanya.

Dr Siti Hasmah juga berkata peletakan jawatan itu tidak akan

menimbulkan masalah kerana beliau (Mahathir) telah menamakan Abdullah sebagai penggantinya yang berkuatkuasa Oktober tahun depan.

Katanya peletakan jawatan oleh Dr Mahathir tidak bermakna beliau (Mahathir) menarik diri untuk berkhidmat untuk negara. Sebaliknya Perdana Menteri akan terus berkhidmat kepada parti dan negara.

-- BERNAMA

SHI ZS LAT